

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMBUT]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butiran lengkap bilangan penjawat awam Kerajaan Persekutuan termasuk Menteri yang ke Sabah untuk program yang dibiayai oleh dana Kerajaan/Kementerian, jumlah kos, butiran perbelanjaan, nama program dan bilangan orang yang terlibat sepanjang bulan Ogos dan September 2020 di Sabah.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian/Jabatan/agensi sedia ada, turut menjalankan fungsi di semua negeri-negeri di seluruh Malaysia termasuk di negeri Sabah. Perkara ini adalah selaras dengan bidang tanggungjawab Kerajaan Persekutuan sepertimana yang termaktub di dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Perkara-perkara yang dimaksudkan adalah seperti pertahanan, keselamatan, kewangan, pengangkutan, pendidikan dan sebagainya.
2. Selain itu, di bawah Senarai Bersama Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, terdapat juga perkara-perkara yang memerlukan jalinan kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri seperti hal-hal yang berkaitan dengan kesihatan awam, perumahan, perancangan bandar dan desa dan sebagainya.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan bidang kuasa yang dinyatakan tersebut, sesi rundingan berterusan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui pelbagai sesi *engagement and handholding* sama ada di peringkat pegawai awam mahupun di peringkat Menteri atau Timbalan Menteri perlu diadakan terutamanya bagi isu-isu yang menjadi keutamaan dan perhatian khusus Kerajaan Persekutuan. Program-program seumpama ini adalah merupakan program-program yang telah dirancang dan diperuntukkan perbelanjaannya melalui belanjawan Kementerian/Jabatan/agensi masing-masing.

Sekian, terima kasih.